



Working Paper No. 7, July 2006

**PERSEPSI MASYARAKAT SETEMPAT
TERHADAP PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN
DESA TELAGA AIR**

Haslina Hashim

PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

Arkib
HD
2346.M3.
S3
H352
2006

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
PERSEPSI MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP
PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN DESA TELAGA AIR

Haslina Hashim

Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Pengenalan

Kertas kerja ini dimulakan dengan artikel di dalam *News Straits Times* (NST) yang bertarikh 7 Oktober 2005 yang “menghentam” pencapaian pelan pembangunan luar bandar yang disifatkan gagal mencapai matlamatnya walaupun setelah 10 tahun pelan tersebut dilancarkan. Penulisan ini cuba menjawab sejauh mana kebenaran artikel yang disiarkan di atas, tetapi dari kaca mata masyarakat setempat dan pusat pertumbuhan desa yang paling sesuai ditinjau adalah PPD Telaga Air yang juga merupakan PPD pertama di Sarawak. Persepsi masyarakat adalah penting kerana golongan ini merupakan golongan berkepentingan yang menggunakan “produk” akhir pembangunan yang telah dirancang di peringkat negeri dan mereka juga merupakan golongan yang menerima kesan hasil daripada pembangunan ini, sama ada mereka terlibat dalam proses perancangan tersebut atau sebaliknya.

Tinjauan tidak formal yang dijalankan pada Julai 2005 sedikit sebanyak memberi gambaran kebenaran keratan akhbar ini. Apabila ditanya kepada badan pelaksana, pihak Lembaga Lindungan Tanah Sarawak (PELITA) mengakui bahawa PPD Telaga Air hanya berperanan sebagai pusat perkhidmatan dan bukannya pusat pertumbuhan seperti yang dirancang. Respon yang sama turut diberikan oleh kementerian bertanggungjawab, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Tanah, Sarawak (KPLB&PT). Persoalannya di sini, apakah faktor yang menyebabkan timbulnya respon negatif terhadap PPD Telaga Air? Sebelum mengulas lanjut, adalah lebih bermakna untuk memahami amalan perancangan di Sarawak secara umum dan bagaimana amalan ini memberi kesan kepada pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini.